

EDISI  
SEPTEMBER  
2026



Untuk  
layari laman  
sesawang wadah  
imbas kod QR ini.

**JOM SCAN**



# NAHDAH

**BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA**



# TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## MALAYSIA MERDEKA, MINDA KITA MERDEKA?



**K**etika rakyat Malaysia mengibarkan Jalur Gemilang dan mengenang detik kemerdekaan negara, ada satu persoalan yang lebih mendasar: apakah makna merdeka dalam dunia hari ini?

Kemerdekaan tidak boleh hanya difahami sebagai berakhirnya penjajahan fizikal atau pengunduran kuasa kolonial dari tanah air. Kemerdekaan yang sebenar ialah keupayaan sesebuah bangsa menentukan masa depannya sendiri, mempertahankan kedaulatannya, membebaskan pemikiran rakyatnya dan berdiri dengan bermaruah dalam percaturan dunia. Persoalan ini semakin penting kerana kita sedang hidup dalam sebuah dunia yang berubah dengan sangat pantas.

Dunia hari ini bukan lagi dunia bipolar seperti pada zaman Perang Dingin. Kita sedang memasuki zaman multipolar apabila Amerika Syarikat, China, Rusia dan pelbagai blok baharu bersaing mendapatkan pengaruh, sumber, teknologi dan laluan ekonomi. Gaza terus berdarah, perang di Ukraine belum menemui penghujung, ketegangan di Laut China Selatan berterusan, Myanmar bergolak dan Timur Tengah kekal menjadi gelanggang perebutan kuasa.

Dalam keadaan seperti ini, negara-negara kecil dan sederhana tidak boleh sekadar menjadi pemerhati. Lebih membimbangkan, mereka boleh menjadi medan pertarungan proksi kuasa-kuasa besar. Dan Malaysia tidak terkecuali.

### Kemerdekaan Minda

Jika dahulu penjajahan datang bersama kapal perang, tentera dan senjata, penjajah zaman ini sudah pun menyelinap masuk ke dalam rumah kita tanpa perlu melepasi sempadan negara. Ia datang melalui skrin telefon di tangan kita, mencerooboh ruang maklumat, persepsi dan pemikiran manusia. Media sosial, algoritma, kecerdasan buatan dan pelbagai platform digital mempunyai kemampuan luar biasa untuk membentuk cara manusia melihat sesuatu isu.

Masyarakat dibanjiri sebegitu banyak maklumat sehingga tidak lagi mampu membezakan antara fakta, propaganda, persepsi dan manipulasi. Perhatian rakyat dialihkan daripada persoalan besar seperti kedaulatan negara, ekonomi, pendidik-

an, kemiskinan dan masa depan generasi kepada polemik kecil yang tidak pernah berkesudahan. Lebih berbahaya apabila sentimen agama dan kaum dimanipulasi sehingga rakyat saling mencurigai.

Di sinilah kemerdekaan memperoleh makna bahu. Sebuah negara mungkin merdeka wilayahnya, tetapi belum tentu merdeka pemikiran rakyatnya. Jika minda kita boleh dikawal oleh naratif luar dalam keadaan kita menerima segala maklumat tanpa terlebih dahulu bertabaiyyun dan membiarkan algoritma menentukan siapa yang harus kita benci dan apa yang harus kita percayai, maka kemerdekaan kita masih belum sempurna.

### **Jangan Kita Meruntuhkan Negara dengan Tangan Sendiri**

Kemerdekaan yang kita warisi hari ini bukan sesuatu yang datang secara percuma. Sejarah mengajar bahawa sesebuah negara tidak semestinya runtuh kerana serangan musuh dari luar. Banyak negara kecundang kerana perpecahan dalaman, rasuah, ketidakadilan, perebutan kuasa dan kegagalan rakyatnya meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan kelompok.

Dalam suasana geopolitik hari ini, politik Malaysia tidak mampu untuk terus terperangkap dalam budaya kebencian yang tidak berkesudahan. Kita boleh berbeza parti dan pendekatan, malah pandangan politik. Tetapi ada satu garis yang tidak boleh kita korbankan: kepentingan dan kedaulatan Malaysia.

Kemerdekaan menuntut kematangan politik. Negara mesti sentiasa lebih besar daripada parti, kelompok dan kepentingan peribadi. Jangan disebabkan terlalu mahu mengalahkan lawan politik dan kebencian sesama kita, Malaysia menjadi gelanggang perebutan kepentingan pihak lain.

### **Politik Dakwah dan Hikmah Hudaibiyah**

Gerakan Islam juga perlu menilai kembali pendekatan dakwahnya. Semangat sahaja tidak mencukupi. Dakwah memerlukan hikmah, kebijaksanaan membaca realiti dan kemampuan menentukan keutamaan. Perjanjian Hudaibiyah memberikan ibrah yang sangat signifikan. Jika dilihat pada zahirnya, perjanjian ini sepertitidak adil dan berat sebelah. Namun Rasulullah SAW melihat sesuatu yang lebih jauh - baginda memilih ruang keamanan. Dalam suasana aman itulah dakwah berkembang dengan lebih luas sehingga akhirnya membuka jalan kepada Fathu Makkah.

Inilah perbezaan antara politik kuasa dengan politik dakwah. Politik kuasa hanya memikirkan kemenangan dan kedudukan. Namun politik dakwah mengambil pendekatan bagaimana untuk mem-

bina manusia, menyatukan masyarakat dan membawa mereka kepada kebaikan. Kemenangan bukan semata-mata apabila kita berjaya menguasai kerusi. Kemenangan menjadi lebih bermakna ialah apabila kita berjaya memenangi hati dan akal manusia.

### **Gerakan Islam dan Agenda Mempertahankan Kemerdekaan**

Dalam konteks ini, WADAH dan seluruh gerakan Islam punya tanggungjawab yang besar. Pertama sebagai pencerdas umat. Umat tidak boleh diizinkan menjadi mangsa manipulasi maklumat dan perang naratif. Kita perlu bina generasi yang mampu membaca, menilai, menganalisis dan memahami perubahan dunia dengan neraca ilmu, al-Quran dan Sunnah. Tugas mencerdaskan umat bukan lagi pilihan. Ia sebahagian daripada agenda mempertahankan kemerdekaan.

Kedua, kukuhkan ukhuwah wathaniyyah, persaudaraan dalam kehidupan bernegara. Perbezaan politik, kaum dan agama tidak seharusnya menjadi alasan untuk menghancurkan tanah air yang kita kongsi bersama. Dan yang ketiga, bina fiqh dakwah yang matang. Tidak semua perbezaan bermaksud permusuhan. Bukan semua kemenangan harus datang dengan segera. Ada waktunya kita perlu bersabar seketika untuk memperoleh maslahat yang lebih besar untuk tempoh yang lebih panjang.

### **Mengisi Kemerdekaan dengan Pencerdasan Umat**

Setelah hampir tujuh dekad merdeka, cabaran kita hari ini ialah bagaimana mempertahankan dan mengisinya. Kita mahu Malaysia yang berdaulat, aman dan dihormati oleh dunia. Kesemua ini pasti akan tercapai sekiranya kita punya keberanian menentukan pendirian sendiri berdasarkan prinsip, keadilan dan kepentingan negara.

Kemerdekaan bukan hanya mengenang apa yang berlaku pada 31 Ogos 1957. Ia sebuah amanah yang mesti dipertahankan oleh setiap generasi. Sebuah bangsa yang benar-benar merdeka tidak akan membenarkan mindanya dijajah, kesatuannya dipecahkan dan masa depannya ditentukan oleh orang lain.

Maka sempena bulan kemerdekaan ini, marilah kita memperbaharui tekad untuk terus mempertahankan negara, mencerdaskan minda umat, memperkukuh persaudaraan dan membawa Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam.

**DATO' AHMAD AZAM AB RAHMAN**

Presiden WADAH Pencerdasan Umat Malaysia  
*eNahdah edisi September 2026*

## DARI MEJA SETIAUSAHA AGUNG

# Teguhkan pendirian, kukuhkan sebagai juru bicara umat



Saudara-saudari seperjuangan,

**P**endirian gerakan ini bukanlah kain yang bertukar warna mengikut tiupan angin politik, tetapi batu karang yang tetap utuh walau dipukul ombak. Kita kekal sebagai juru bicara umat yang lantang menyuarakan kebenaran, menjadi denyut nadi rakyat yang sentiasa peka terhadap jeritan dan kepayahan mereka, serta tidak hanyut dalam lembah kekuasaan yang memabukkan. Kita tidak tergoda dengan pangkat atau jawatan, tidak tunduk kepada tekanan dan tidak membisu apabila keadilan dicabuli. Prinsip dakwah yang kita bawa adalah **amanah Ilahi**, bukan komoditi politik yang boleh ditawarkan harganya.

Namun, tidak hanyut dengan kuasa bukan berarti kita harus menjauhkan diri daripada ruang kekuasaan. Kita boleh mendekati, bekerjasama dan menyokong setiap usaha yang membawa maslahat kepada umat dan negara. Tetapi kedekatan itu tidak boleh menghilangkan keberanian kita untuk menegur apabila berlaku penyimpangan dan ketidakadilan. Kita tidak boleh kehilangan kebebasan moral hanya kerana berada dekat dengan mereka yang berkuasa.

Kita berdiri teguh di atas landasan kebenaran-mengangkat suara mereka yang terpinggir, membela yang dizalimi dan menegur yang zalim, walau siapa pun dia. Bagi kita, reda Allah dan cinta umat adalah ukuran kemenangan, bukan gemuruh sorakan atau limpahan nikmat dunia. Allah SWT memperingatkan:

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul, dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.”*

(Al-Anfal: 27)

Kekuasaan adalah ujian yang sering membutuhkan mata hati. Justeru, kita memilih untuk tetap teguh di atas prinsip dakwah. Jawatan bukan tujuan perjuangan, tetapi alat untuk menegakkan keadilan dan membawa manfaat kepada umat.

Inilah identiti kita: tidak goyah oleh ancaman, tidak terpengaruh oleh pujian dan tidak mengalah dalam memperjuangkan keadilan. Sejarah hanya mengenang mereka yang berani mempertahankan prinsip, bukan mereka yang rela menjual maruah demi kuasa yang sementara.

### IJTIMAK HAKAIY: MEDAN UKHUWAH, MUHASABAH DAN PEMBAHARUAN GERAKAN

Saudara-saudari seperjuangan,

Pada 25-27 September 2026, kita akan mengadakan Ijtimak Harakiy kali ke-8, yang akan mengumpulkan ketiga-tiga organisasi - PKPIM, ABIM dan WADAH. Pertemuan tahunan ini adalah nadi yang menghidupkan gerakan. Ia bukan sekadar medan pertemuan dan mengikat kembali ukhuwah yang menjadi tulang belakang kekuatan ummah, tetapi ruang muhasabah yang jujur terhadap perjalanan perjuangan yang telah kita tempuh.

Muhasabah tidak boleh terhenti pada nostalgia terhadap sejarah dan kejayaan masa lalu. Ia seharusnya menjadi tempat untuk kita belajar merendahkan hati, mendengar kritikan dengan dada terbuka, memperbaharui niat dan menyucikan jiwa daripada kepentingan peribadi yang boleh merosakkan perjuangan. Ijtimak mengingatkan kita bahawa kita bukan pejuang yang berjalan sendirian, tetapi sebahagian daripada saf yang panjang—saf yang diikat oleh cinta kepada Allah, cinta kepada Rasul dan cinta kepada ummah.

Dalam pertemuan ini, kita saling menguatkan, saling mengingatkan dan memperbaharui azam. Tanpa ukhuwah yang kukuh dan muhasabah yang berterusan, gerakan akan kehilangan ruh dan arah.

Namun, Ijtimak tidak boleh berakhir sekadar dengan pertemuan, ucapan dan semangat yang kembali membara. Ijtimak mesti melahirkan pembaharuan—pada cara kita berfikir, bekerja dan berkhidmat kepada umat. Ukhawah mesti diterjemahkan kepada amal bersama, manakala muhasabah mesti membawa kepada keberanian memperbaiki kelemahan dan memperkemas langkah perjuangan.

Maka, **hayatilah Ijtimak ini sebagai peluang untuk kembali kepada fitrah perjuangan, mengubati luka perbezaan dan menyemarakkan semangat untuk terus melangkah.** Kita datang bukan sekadar untuk mengenang perjalanan yang telah dilalui, tetapi untuk menentukan bagaimana perjalanan ini harus diteruskan. **Jalan mungkin panjang dan penuh onak duri**, tetapi janji Allah pasti benar, dan perjuangan yang ikhlas tidak akan disia-siakan.

Kepada para muktamirin, **selamat bermuktamar.**

**AZIZUDDIN AHMAD**  
Setiausaha Agung WADAH  
September 2026

## PPZ-MAIWP PERKENAL QR MUDAHKAN BAYARAN ZAKAT

**PUTRAJAYA, 5 OGOS 2026** – Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) memperkukuh agenda pendigitalan zakat menerusi pelancaran **Sistem Bayaran QR Zakat** di Restoran Darussalam, Presint 16, Putrajaya. Majlis tersebut turut dihadiri oleh **Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman**, Presiden WADAH merangkap Pengerusi PPZ-MAIWP, bersama Pengerusi MAIWP, YBhg. Datuk Haji Syed Kamarulzaman Syed Kabeer; Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, YBhg. Datuk Is. Mohd Nizam Haji Yahya; Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, YBhg. Datuk Haji Abdul Hakim Amir Osman serta wakil Darussalam Group. Inisiatif ini diperkenalkan bagi memudahkan masyarakat menunaikan zakat secara

lebih pantas, mudah dan selamat melalui imbasan kod QR di premis-premis terpilih.

Pelaksanaan Sistem Bayaran QR Zakat ini turut menyaksikan simbolik penyerahan zakat perniagaan oleh Darussalam Group kepada PPZ-MAIWP serta penyampaian sumbangan wakalah kepada 20 penerima asnaf sebagai tanda keprihatinan sosial korporat. Langkah ini mencerminkan komitmen PPZ-MAIWP dalam memperluas akses pembayaran zakat melalui teknologi digital, di samping memperkukuh ekosistem zakat yang lebih efisien, inklusif dan mesra masyarakat.



## MUSHAF AFGHANISTAN DILANCAR, JALINAN ILMU UMMAH DIPERKUKUH



**PUTRAJAYA, 6 OGOS 2026** – Majlis Peluncuran Percetakan Mushaf Al-Quran Terjemahan Bahasa Afghanistan telah berlangsung di Kompleks Nasyrul Quran, Presint 14, Putrajaya sebagai satu usaha memperluas akses kefahaman al-Quran dalam bahasa tempatan masyarakat Afghanistan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), dengan kehadiran Presiden WADAH, YBhg. Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, serta barisan pemimpin gerakan sivil, tokoh korporat, ulama dan aktivis dakwah antarabangsa.

Inisiatif yang diterajui Yayasan Restu bersama Kompleks Nasyrul Quran ini mencerminkan peranan Malaysia dalam memperkasa literasi al-Quran di peringkat global, khususnya melalui penerbitan mushaf terjemahan bagi membantu masyarakat Afghanistan memahami mesej al-Quran dalam bahasa mereka sendiri. Presiden WADAH turut menzahirkan penghargaan terhadap usaha tersebut yang dilihat sebagai bentuk diplomasi kemanusiaan berasaskan ilmu, pendidikan dan penyebaran nilai rahmah Islam ke peringkat antarabangsa.

## AMANAH TABUNG HAJI DIPERTAHAN, HIKAM KEMUKA 10 TUNTUTAN REFORMASI



**KUALA LUMPUR, 7 OGOS 2026** – Gabungan pertubuhan masyarakat sivil yang diterajui oleh **Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)** bersama Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) dan Sekretariat DAIE Madani telah menyerahkan **Memorandum Keprihatinan NGO berhubung Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH)** sebagai usaha memperkukuh integriti, akauntabiliti serta pemeliharaan amanah umat. Penyerahan memorandum ini membawa **10 tuntutan utama** yang memberi penekanan terhadap tindakan

undang-undang yang tegas dan telus, pemulihan aset, reformasi tadbir urus serta pengukuhan kedudukan Tabung Haji sebagai institusi kewangan Islam strategik negara.

Antara tuntutan yang dikemukakan termasuk pelaksanaan syor RCI secara berjadual, penambahbaikan Akta Tabung Haji 1995, kebebasan profesional dalam pengurusan institusi, pelantikan kepimpinan berasaskan merit, pengukuhan mekanisme integriti serta perlindungan kepada pemberi maklumat. Gabungan NGO turut menegaskan bahawa sebarang pihak yang terbukti melakukan salah guna

kuasa atau menyebabkan kerugian kepada Tabung Haji perlu dikenakan tindakan sewajarnya tanpa pilih kasih.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen WADAH dan rakan strategik untuk memastikan amanah jutaan pendeposit Tabung Haji terus dipelihara melalui prinsip keadilan, ketelusan dan tadbir urus yang baik. Pada masa sama, gabungan NGO menyatakan sokongan terhadap usaha pemulihan institusi tersebut serta menyeru agar proses pembaharuan dilaksanakan demi mengembalikan keyakinan masyarakat terhadap Tabung Haji sebagai benteng kewangan dan kebajikan umat Islam.

## USRAH WAP WILAYAH PERKUKUH FIKRAH, SATUKAN LANGKAH GERAKAN

**BUKIT BINTANG, 12 OGOS 2026**

– Usrah Gabungan WAP Wilayah Persekutuan telah berlangsung pada 12 Ogos 2026 bertempat di Outreach Oasis ABIM Bukit Bintang (OOBB). Program yang menjadi agenda berkala warga WAP ini menghimpunkan ahli dan penggerak gerakan bagi memperkukuh kefahaman Islam, menyuburkan semangat tarbiah serta mempererat ukhuwah dalam kalangan anggota WADAH, ABIM dan PPIWP.

Melalui pengisian usrah,

para peserta didedahkan dengan perbincangan berkaitan penghayatan nilai Islam, peranan sebagai penggerak dakwah serta kepentingan membina kekuatan dalaman bagi menghadapi cabaran semasa umat. Penganjuran berterusan Usrah Gabungan WAP Wilayah Persekutuan menjadi medan penting dalam melahirkan warga gerakan yang berilmu, berdaya fikir dan istiqamah dalam membawa misi dakwah serta khidmat kepada masyarakat.



## TAMRIN NAHDAH KELANTAN BENTUK KADER BERFIKRAH STRATEGIK



**KOTA BHARU, 14-15 OGOS 2026** – Program **Tamrin Nahdhah Siasah WAP Kelantan 2026** telah berlangsung selama dua hari bertempat di Pusat Dakwah dan Tarbiyah ABIM Negeri Kelantan, Tanjung Mas, Kota Bharu. Himpunan kaderisasi ini berjaya menghimpunkan seramai 111 orang aktivis serta barisan kepimpinan daripada WADAH, SALWA, ABIM dan PKPIM Kelantan dalam satu

medan pembinaan fikrah, pengukuhan idealisme serta penyelarasan strategi gerakan.

Antara pengisian utama program ialah sesi **“Fikrah Fasa Dakwah dan Daulah”** bersama Timbalan Presiden WADAH, Ustaz Hasri Harun yang menekankan kepentingan idealisme, pengorbanan dan istiqamah dalam perjuangan dakwah. Peserta turut

mengikuti perkongsian Ustaz Abd. Aziz Abbas mengenai amanah penyertaan dalam gerakan Islam, kupasan Dr. Muhammad Razak Idris berkaitan realiti dakwah dan siasah Madani, serta pengisian Malaysia MADANI oleh Ustaz Mohd Faisal Abdullah. Program ini turut diserikan dengan bengkel analisis SWOT dan pelan strategik yang melibatkan pimpinan WADAH, SALWA, ABIM dan PKPIM Kelantan bagi memperkukuh gerak kerja yang lebih tersusun dan berimpak.

Lebih daripada sekadar program latihan kepimpinan, Tamrin Nahdhah Siasah WAP Kelantan 2026 menjadi medan tarbiah dan pemantapan ukhuwah untuk melahirkan aktivis yang memiliki kefahaman jelas, ketahanan jiwa serta kesiapsiagaan menghadapi cabaran dakwah dan masyarakat. Melalui pengisian ilmu, refleksi gerakan dan perancangan strategik, para peserta diperkasa untuk kembali ke medan khidmat dengan semangat baharu dalam membawa agenda pencerdasan umat.

## 100 PELAJAR ASNAF DIPERKASA MELALUI STRATEGI BELAJAR SMART

**KUALA LUMPUR, 16 OGOS 2026** – Projek Tunas Nahdah di bawah inisiatif Rakyat Malaysia MADANI telah menganjurkan Bengkel Level Up: Misi Belajar SMART bertempat di Dewan Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB), Perumahan Awam (PA) Sri Sabah, Cheras, Kuala Lumpur. Program yang berlangsung pada Ahad, 16 Ogos 2026 ini menghimpunkan seramai 100 pelajar Tingkatan Lima khususnya daripada kalangan anak asnaf dan komuniti B40 bagi memperkasa kemahiran pembelajaran serta persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bertemakan “Memartabat Karamah Insani: Pintar Belajar, Cemerlang Peribadi”, bengkel ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah pembelajaran

moden melalui kerangka S.M.A.R.T yang merangkumi Strategi (Strategy), Pola Fikir (Mindset), Sikap (Attitude), Tanggungjawab (Responsible) dan Pengurusan Masa (Time Management). Program ini turut menekankan pembinaan jadual belajar yang realistik, pengurusan fokus serta pembentukan ketahanan diri agar para pelajar mampu mengembangkan potensi akademik dan sahsiah mereka.

Melalui pendekatan pendidikan yang lebih tersusun dan menyeluruh, Bengkel Level Up: Misi Belajar SMART menjadi sebahagian usaha WADAH melalui Projek Tunas Nahdah dalam membina generasi muda komuniti bandar yang berilmu, berdaya saing dan yakin menghadapi cabaran masa hadapan.



## WADAH BAWA SUARA ILMU MALAYSIA KE PENTAS MALINDO MADANI

JAKARTA, 20–23 OGOS 2026 – Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah bergerak ke Jakarta bagi menghadiri **Majlis Cendekiawan Madani Malaysia-Indonesia (MALINDO MADANI) Kali Ke-2** yang menghimpunkan tokoh ilmuwan, pemikir dan cendekiawan dari kedua-dua negara. Persidangan ini menjadi medan memperkukuh hubungan intelektual Malaysia-Indonesia serta membincangkan agenda peradaban, pemikiran Islam dan pembangunan masyarakat berteraskan nilai MADANI.

Majlis yang berlangsung dari 20 hingga 23 Ogos 2026 ini turut menampilkan sesi wacana dan perkongsian pemikiran berkaitan kebangkitan peradaban berasaskan nilai keutamaan, di samping memperkukuh kerjasama strategik antara institusi ilmu kedua-dua negara. Kehadiran Presiden WADAH dalam MALINDO MADANI mencerminkan komitmen berterusan terhadap pengembangan jaringan keilmuan serantau serta usaha membina jambatan pemikiran antara Malaysia dan Indonesia dalam mendepani cabaran dunia semasa.



## TAMRIN ABIM MESIR BENTUK KADER BERILMU BERJIWA PEMIMPIN

ANJUNG RAHMAT, 28 OGOS 2026 – Tamrin ABIM Mesir telah berlangsung di Anjung Rahmat sebagai medan pembinaan sahsiah, pengukuhan fikrah dan pementapan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa serta aktivis muda ABIM. Program tarbiah ini memberi penekanan kepada proses

pembentukan kader yang berilmu, berdisiplin dan memahami peranan dakwah dalam mendepani cabaran semasa umat.

Melalui pengisian yang disusun, para peserta didedahkan dengan modul berkaitan kefahaman gerakan,

kepimpinan, nilai perjuangan serta penghayatan peranan generasi muda sebagai penggerak perubahan. Penganjuran Tamrin ABIM Mesir di Anjung Rahmat ini mencerminkan kesinambungan tradisi tarbiah ABIM dalam melahirkan barisan pelapis yang memiliki kekuatan ilmu, ketahanan jiwa dan komitmen terhadap agenda pembangunan umat.



JOM DAFTAR  
AHLI WADAH



SCAN UNTUK  
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH  
PENCERDASAN UMAT M'SIA



## MEMAHAMI PELARIAN, MEMPERKASA KESEDARAN KEMANUSIAAN



**DENGKIL, 28 OGOS 2026** – Program Ceramah Bersama SUHAKAM bertajuk **“Beyond Borders: Understanding Refugee Rights and Their Legal Status in Malaysia”** telah berlangsung pada Jumaat, 28 Ogos 2026 bertempat di Pusat Asasi UiTM, Kampus Dengkil. Program yang menampilkan Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merangkap Presiden WADAH, sebagai penyampai utama ini membincangkan isu hak pelarian, kedudukan perundangan serta cabaran kemanusiaan yang dihadapi komuniti pelarian di Malaysia.

Dalam sesi tersebut, Dato' Ahmad Azam menghuraikan latar belakang dan definisi pelarian, termasuk realiti lebih 215,600 pelarian dan pemohon suaka berdaftar dengan UNHCR di Malaysia setakat Februari 2026, majoritinya berasal dari Myanmar termasuk komuniti Rohingya. Perbincangan turut menyentuh kedudukan Malaysia terhadap Konvensyen Pelarian 1951, hak pendidikan kanak-kanak pelarian, isu dokumentasi, pekerjaan, kesihatan serta keperluan mewujudkan pengurusan pelarian yang lebih tersusun dengan mengambil kira aspek keselamatan negara dan maruah manusia.

Menerusi pendekatan berteraskan ilmu dan kemanusiaan, program ini menjadi ruang meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap isu pelarian secara lebih seimbang serta berasaskan fakta. Dato' Ahmad Azam turut menekankan nilai ihsan melalui penghayatan ibrah Hijrah Rasulullah SAW, bahawa golongan yang berpindah akibat penindasan dan konflik perlu dilihat dengan perspektif kemanusiaan, di samping memastikan prinsip undang-undang, tanggungjawab sosial dan kepentingan negara terus dipelihara.



## MUKTAMAR NEGERI (MUKRI)



## MELAKA SUSUN LANGKAH BAHARUI PERJUANGAN UMMAH

**BUKIT BARU, MELAKA, 15 OGOS 2026** – MUKRI WADAH Melaka 2026 telah berlangsung sebagai medan memperkukuh saf gerakan, menyatukan pandangan serta memperkemas hala tuju perjuangan dakwah di peringkat negeri. Program yang menghimpunkan warga WADAH, SALWA, ABIM, PEPIM serta rakan strategik Global Peace Mission (GPM) Melaka ini menjadi ruang penting dalam mempererat ukhuwah dan memperkasa gerak kerja bersama.

Program tersebut turut menampilkan amanat ucaptama oleh Presiden WADAH, YBhg. Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, yang mengupas tema berkaitan syarat kemenangan gerakan melalui pembinaan nilai istiqamah dan *thiqah* (kepercayaan terhadap saf kepimpinan). Pengisian ini menekankan kepentingan keteguhan prinsip, kesatuan gerakan serta kesiapsiagaan warga dakwah dalam mendepani cabaran semasa dengan berpandukan nilai Islam.

## TERENGGANU PERKUKUH FIKRAH GERAKAN HADAPI CABARAN SEMASA

**KUALA TERENGGANU, 21-22 OGOS 2026** – MUKRI WADAH Terengganu 2026 telah berlangsung sebagai medan pengukuhan organisasi, penyatuan saf kepimpinan serta penyusunan strategi gerakan di peringkat negeri. Program yang merupakan sebahagian daripada agenda MUKRI WADAH negeri-negeri ini menjadi ruang penting bagi warga WADAH Terengganu menilai gerak kerja semasa, memperkemas perancangan serta memperkukuh komitmen terhadap agenda dakwah dan pembangunan umat.

Muktamar ini menghimpunkan pimpinan, ahli serta penggerak WADAH Terengganu bagi membincangkan perkembangan organisasi, laporan aktiviti dan hala tuju gerakan pada masa hadapan. Melalui pertemuan ini, warga WADAH terus diperkasa dengan semangat ukhuwah, kesatuan tindakan dan kesiapsiagaan dalam membawa peranan sebagai gerakan masyarakat sivil yang berteraskan ilmu, dakwah dan khidmat kepada umat.



JOM DAFTAR  
AHLI WADAH



SCAN UNTUK  
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH  
PENCERDASAN UMAT M'SIA

## SABAH ANGKAT MANHAJ ILMU, PERKUKUH GERAKAN DAKWAH



KOTA KINABALU, 22–23 OGOS 2026 – MUKRI WADAH Sabah Ke-20 telah berlangsung sebagai medan memperkukuh hala tuju gerakan, memperkemas pendekatan dakwah serta memperbaharui komitmen warga WADAH dalam mendepani perubahan semasa. Penganjuran MUKRI yang berlangsung pada 22 hingga 23 Ogos 2026 ini menjadi sebahagian daripada agenda Muktamar Negeri WADAH yang menghimpunkan pimpinan dan penggerak negeri bagi

menyusun strategi pembangunan umat.

Menerusi pendekatan yang mengangkat gagasan *Manhaj Sabahi*, WADAH Sabah turut memberi penekanan kepada pengukuhan enam kluster infrastruktur ilmu sebagai asas memperkasa gerakan dakwah yang lebih kontekstual dengan realiti masyarakat Sabah. Program ini menjadi ruang



penyatuan fikrah, perkongsian pandangan serta pengukuhan jaringan gerakan dalam membina masyarakat berilmu, berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

## SELANGOR PERKASA JARINGAN ILMU DAN KHIDMAT MASYARAKAT



SELANGOR, 22–23 OGOS 2026 – MUKRI WADAH Selangor 2026 telah berlangsung pada 22 hingga 23 Ogos 2026 sebagai medan memperkukuh organisasi, menyatukan saf kepimpinan serta memperkemas strategi gerakan dakwah di peringkat negeri. Program yang menghimpunkan pimpinan dan ahli WADAH Selangor ini menjadi ruang penting untuk menilai gerak kerja semasa, memperbaharui iltizam perjuangan serta menyusun langkah ke arah pengukuhan peranan WADAH

dalam pembangunan umat.

Menerusi MUKRI ini, warga WADAH Selangor berpeluang memperkukuh hubungan ukhuwah, berkongsi pandangan serta memperhalusi pendekatan dakwah yang lebih responsif terhadap cabaran semasa. Penganjuran muktamar negeri secara berterusan mencerminkan komitmen WADAH dalam membina gerakan yang tersusun, berilmu dan berdaya tahan dalam membawa agenda pencerdasan umat di peringkat akar umbi.

## WILAYAH PERSEKUTUAN RANGKA ASPIRASI BAHARU GERAKAN



KUALA LUMPUR, 23 OGOS 2026 – MUKRI WADAH Wilayah Persekutuan 2026 telah berlangsung pada 23 Ogos 2026 sebagai medan penyatuan saf kepimpinan, pengukuhan organisasi serta penyusunan hala tuju gerakan di peringkat wilayah. Program ini menghimpunkan pimpinan dan ahli WADAH Wilayah Persekutuan bagi memperhalusi gerak kerja semasa, memperkukuh ukhuwah serta memperbaharui komitmen terhadap agenda pencerdasan umat.

Menerusi perbincangan dan pengisian sepanjang muktamar, peserta diberi ruang untuk menilai cabaran semasa, memperkemas strategi dakwah serta memperkukuh peranan WADAH sebagai gerakan masyarakat sivil yang berteraskan ilmu, tarbiah dan khidmat umat. MUKRI Wilayah Persekutuan menjadi wadah penting dalam menyatukan pandangan serta membina kesiapsiagaan warga gerakan bagi menghadapi cabaran masa hadapan dengan semangat kebersamaan.

## PERAK SATUKAN FIKRAH, PERKUKUH GERAK KERJA UMMAH



**PERAK, 29 OGOS 2026** – Ijtimak Harakiy WAP Perak Kali Ke-7 telah berlangsung pada 29 Ogos 2026 sebagai medan himpunan warga gerakan bagi memperkukuh kefahaman, menyatukan fikrah serta memperkemas agenda dakwah dan khidmat umat di peringkat negeri. Program yang menghimpunkan pimpinan dan aktivis WADAH, ABIM,

SALWA serta PKPIM Perak ini menjadi ruang penting untuk memperbaharui komitmen perjuangan serta menyusun gerak kerja menghadapi cabaran semasa.

Menerusi pengisian ijtimak yang membawa tema “Umat Merdeka, Negara Berdaulat: Meneroka Geopolitik Semasa”, para peserta didedahkan dengan perbincangan

berkaitan isu umat, kepimpinan dan cabaran dunia semasa melalui perspektif dakwah serta pembangunan masyarakat. Program ini turut menjadi wadah pengukuhan ukhuwah, pemantapan strategi gerakan dan penyelarasan tindakan bersama dalam memperkasa peranan WAP Perak sebagai penggerak pencerdasan umat.



## NEGERI SEMBILAN PERKUKUH GERAKAN, SANTUNI KELUARGA MELALUI ILMU

**SEREMBAN, 22 OGOS 2026** – Ijtimak Haraki WAP Negeri Sembilan telah berlangsung di **Dewan Sri Seremban** dengan menghimpunkan seramai **85 orang** ahli WADAH, SALWA, ABIM dan Persatuan Pelajar Islam Negeri Sembilan (PPINS). Program ini menjadi medan pengukuhan ukhuwah, penyatuan fikrah serta penyelarasan gerak kerja warga gerakan di peringkat negeri. Wakil WADAH Pusat, **Tuan Haji Muslih**, turut menyampaikan ucap tama yang menekankan kepentingan pengukuhan komitmen, kefahaman perjuangan dan peranan aktivis dalam

membawa agenda dakwah serta pembangunan umat.

Selain pengisian utama ijtimak, program ini turut diserikan dengan Forum Pendidikan Keibubapaan yang memberi perhatian terhadap peranan keluarga dalam membentuk generasi berilmu, berakhlak dan berdaya tahan menghadapi cabaran semasa. Himpunan ini menjadi ruang refleksi dan pembinaan strategi bersama agar gerakan WAP Negeri Sembilan terus diperkasa melalui kekuatan ilmu, ukhuwah serta kerjasama rentas organisasi.

## KELANTAN PERKUKUH GERAKAN, SATUKAN ASPIRASI WARGA WADAH



**KOTA BHARU, 29 OGOS 2026** – Muktamar WADAH Negeri Kelantan 2026 telah berlangsung di **Dewan Seminar Al-Hikmah, Tanjung Mas, Pengkalan Chepa, Kota Bharu** dengan menghimpunkan seramai **70 orang peserta** daripada kalangan ahli dan pimpinan WADAH Negeri Kelantan. Program anjuran WADAH Negeri Kelantan ini menjadi medan memperkukuh organisasi, menyatukan pandangan serta memperbaharui komitmen warga gerakan dalam membawa agenda dakwah dan

pencerdasan umat.

Perhimpunan ini memberi ruang kepada warga WADAH Kelantan menilai gerak kerja semasa, memperkemas perancangan organisasi serta memperkukuh hubungan ukhuwah dalam kalangan ahli. Melalui semangat kebersamaan dan kesatuan fikrah, WADAH Kelantan terus memperkasa peranan sebagai gerakan masyarakat sivil yang berteraskan ilmu, tarbiah dan khidmat umat.

## Kenyataan Akhbar

# SIASATAN MENYELURUH DAN TELUS PERLU BAGI MENJAMIN INTEGRITI INDUSTRI PENERBANGAN NEGARA

5 OGOS 2026

**W**adah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengambil perhatian serius terhadap perkembangan terkini berhubung penahanan seorang juruterbang Malaysia Airlines oleh pihak berkuasa Indonesia atas dakwaan berkaitan penyeludupan bahan terlarang.

WADAH mengambil maklum bahawa pihak berkuasa Indonesia telah mendedahkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) berkaitan pergerakan individu tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, manakala pihak berkuasa Malaysia melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut mengambil langkah menjalankan siasatan lanjut termasuk mendapatkan maklumat berkaitan daripada pihak Indonesia serta meneliti aspek keselamatan di Malaysia.

WADAH berpandangan bahawa kes yang melibatkan seorang profesional dalam industri penerbangan perlu diberi perhatian serius kerana ia bukan sahaja melibatkan individu terbabit, tetapi turut menyentuh aspek keselamatan penumpang, keyakinan masyarakat serta reputasi industri penerbangan negara.

Dalam masa yang sama, WADAH menyeru semua pihak agar menghormati prinsip keadilan dan proses undang-undang. Sebarang kesimpulan terhadap seseorang individu tidak boleh dibuat berdasarkan persepsi atau laporan awal semata-mata, sebaliknya hendaklah berdasarkan bukti yang sah dan keputusan pihak berkuasa yang berautoriti.

Namun, sekiranya hasil siasatan mendapati wujud unsur pelanggaran undang-undang, penyalahgunaan amanah, kecuai prosedur atau penglibatan mana-mana pihak lain, tindakan tegas mestilah diambil tanpa mengira kedudukan, profesion atau latar belakang individu yang terlibat.

WADAH turut menyokong usaha pihak berkuasa Malaysia dan Indonesia untuk bekerjasama dalam memastikan siasatan dilakukan secara profesional, menyeluruh dan bebas daripada sebarang campur tangan. Keselamatan sistem penerbangan tidak boleh dikompromi, manakala sebarang



kelemahan dalam rantai kawalan keselamatan perlu dikenal pasti dan diperbaiki.

WADAH juga menggesa semua pihak berkaitan termasuk pengendali industri penerbangan, pihak keselamatan lapangan terbang dan agensi penguat kuasa agar terus memperkukuh mekanisme pencegahan, pemantauan serta integriti dalam kalangan warga kerja yang memegang tanggungjawab besar terhadap keselamatan awam.

Pada masa yang sama, masyarakat diseru agar tidak menyebarkan spekulasi atau membuat penghakiman awal yang boleh menjejaskan proses siasatan serta maruah mana-mana pihak. Ketelusan dan akauntabiliti hanya dapat dicapai apabila kebenaran ditegakkan melalui bukti dan proses yang adil.

WADAH percaya bahawa tindakan tegas berasaskan undang-undang, ditambah dengan penambahan sistem secara berterusan, adalah penting bagi memastikan industri penerbangan Malaysia terus diyakini di peringkat nasional dan antarabangsa.

**“MENGANGKAT MARTABAT UMAT”**

**AZIZUDDIN AHMAD**

Setiausaha Agung

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

## Kenyataan Akhbar



6 Ogos 2026

**H**IKAM menyambut baik pendedahan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung isu-isu tadbir urus Lembaga Tabung Haji (LTH). Pendedahan laporan ini merupakan langkah penting ke arah memperkukuh ketelusan, akauntabiliti dan keyakinan rakyat terhadap institusi yang menjadi tonggak pengurusan simpanan dan urusan haji umat Islam di negara ini.

Pada masa yang sama, HIKAM berpandangan bahawa laporan yang melibatkan kepentingan awam sebegini sewajarnya didedahkan lebih awal agar proses semak dan imbang dapat berlangsung secara terbuka serta membolehkan langkah pembaikan dilaksanakan dengan lebih segera. Ketelusan merupakan asas penting dalam membina kepercayaan rakyat terhadap institusi awam.

Allah SWT berfirman:

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil."*

(Surah al-Nisa': 58)

# REFORMASI TADBIR URUS TABUNG HAJI: MEMPERKUKUH AMANAH, INTEGRITI DAN KEYAKINAN UMMAH

LTH ditubuhkan dengan matlamat yang amat mulia iaitu membantu umat Islam menabung dan menunaikan ibadah haji secara teratur dan berkesan. Justeru, sebarang kelemahan tadbir urus yang menjejaskan integriti institusi ini perlu ditangani secara menyeluruh dan berani demi memelihara amanah para pendeposit serta kepentingan ummah.

Sehubungan itu, HIKAM menyokong usaha reformasi yang dicadangkan melalui dapatan RCI, khususnya yang melibatkan:

## 1 Pengukuhan Kerangka Perundangan dan Tadbir Urus

HIKAM berpandangan bahawa Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535] perlu dipinda secara komprehensif bagi memastikan ia selaras dengan keperluan semasa serta amalan tadbir urus terbaik.

Antara perkara yang wajar diberi perhatian ialah:

- Pembahagian fungsi dan kuasa yang lebih jelas antara aspek pengurusan haji dan pengurusan kewangan serta pelaburan.
- Penetapan kriteria *"fit and proper"* yang ketat bagi pelantikan anggota Lembaga berdasarkan kompetensi, integriti dan kepakaran dalam bidang kewangan, ekonomi, perniagaan dan syariah.
- Pengukuhan kedudukan jawatan-

kuasa-jawatankuasa kritikal seperti Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah melalui peruntukan undang-undang yang jelas.

- Penambahbaikan mekanisme audit dan pelaporan kewangan bagi menjamin ketelusan serta akauntabiliti yang lebih tinggi.

## 2 Memastikan Profesionalisme dan Kebebasan Institusi

HIKAM berpandangan bahawa institusi yang mengurus amanah umat Islam perlu dipimpin oleh individu yang mempunyai integriti, kompetensi dan rekod profesional yang cemerlang.

Oleh itu, proses pelantikan anggota Lembaga dan pengurusan tertinggi hendaklah berasaskan merit, kelayakan serta kepakaran yang relevan. Sebarang pelantikan yang berpotensi menimbulkan konflik kepentingan atau persepsi campur tangan politik perlu dielakkan demi menjaga keyakinan masyarakat terhadap LTH.

## 3 Menjadikan RCI Sebagai Titik Reformasi Nasional

Laporan RCI ini tidak seharusnya dilihat sekadar sebagai usaha mengenal pasti kesilapan lalu, tetapi perlu dijadikan asas kepada reformasi institusi yang lebih menyeluruh. Keutamaan mestilah diberikan kepada pembinaan budaya tadbir urus yang berteraskan amanah, ketelusan, akauntabiliti dan profesionalisme.

Firman Allah SWT:

*“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta sesama kamu dengan jalan yang batil...”*

(Surah al-Baqarah: 188)

Ayat ini mengingatkan bahawa pengurusan harta awam dan dana umat adalah amanah yang besar serta akan dipersoalkan di sisi Allah SWT.

HIKAM menyeru agar segala syor yang munasabah dan bermanfaat dalam laporan RCI ini diteliti dan dilaksanakan dengan penuh kesungguhan. Reformasi yang menyeluruh amat penting bagi memastikan LTH terus kekal sebagai institusi yang diyakini, dihormati dan mampu memenuhi tujuan asal penubuhannya dalam memelihara kepentingan serta kebajikan umat Islam.

Semoga episod ini menjadi pengajaran berharga kepada semua pihak bahawa amanah awam hendaklah diurus dengan penuh integriti, kecekapan dan rasa tanggungjawab kepada rakyat serta kepada Allah SWT.

### Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM)

1. Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
2. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
3. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
4. Pertubuhan Himpunan Lepas Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)

**Sekretariat HIKAM**  
**Azizuddin Ahmad**  
**Setiausaha Agung WADAH**

**Mohd Hafiz Abd Hamid**  
**Setiausaha Agung IKRAM**

**Ahmad Fawwaz Ahmad Shukri**  
**Setiausaha Agung ABIM**

**Mohd Sabbri Md Yudin**  
**Setiausaha Agung HALUAN**

Kenyataan  
Akhhbar

# WADAH MENDOAKAN KESEMBUHAN DAN KEKUATAN BUAT YAB PERDANA MENTERI



11 Ogos 2026

**W**adah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT atas berita bahawa **YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim**, telah selamat menjalani prosedur pembedahan laparoskopi secara elektif bagi merawat masalah hernia perut (paraumbilical hernia).

WADAH mendoakan agar YAB Perdana Menteri dikurniakan kesembuhan yang sempurna, dipermudahkan segala urusan sepanjang tempoh pemulihan serta diberikan kesihatan yang berpanjangan untuk terus melaksanakan amanah kepimpinan negara.

Sebagai seorang pemimpin yang memikul tanggungjawab besar dalam mengurus hal ehwal negara, YAB Perdana Menteri memerlukan ruang dan masa yang secukupnya untuk menjalani proses pemulihan dengan baik. WADAH berharap beliau terus diberikan kekuatan, ketabahan dan kesejahteraan agar dapat kembali menjalankan tugas dengan keadaan kesihatan yang optimum.

WADAH turut merakamkan penghargaan kepada pasukan pakar perubatan yang telah mengendalikan prosedur tersebut serta memberikan rawatan dan pemantauan terbaik sepanjang proses pemulihan. Dedikasi dan kepakaran warga perubatan negara merupakan satu khidmat yang amat bernilai dalam menjaga kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Dalam kesempatan ini, WADAH menyeru seluruh rakyat Malaysia agar bersama-sama mendoakan kesihatan dan kesejahteraan YAB Perdana Menteri. Semoga Allah SWT mengurniakan rahmat, perlindungan dan kekuatan kepada beliau dalam meneruskan amanah kepimpinan demi kemajuan dan kesejahteraan negara.

**DATO' AHMAD AZAM AB RAHMAN**  
Presiden  
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia  
(WADAH)

Kenyataan  
Akhbar

## WADAH SOKONG PEMBENTANGAN RCI TABUNG HAJI DAN KRITIK TINDAKAN KELUAR DEWAN YANG TIDAK MENCERMINKAN TANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT



12 OGOS 2026

**W**adah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyambut baik dan menyatakan sokongan terhadap pembentangan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan Tabung Haji oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dato' Dr. Zulkifli Hassan, di Dewan Rakyat.

Pembentangan ini merupakan langkah penting bagi memastikan dapatan RCI berkaitan sebuah institusi amanah umat Islam dapat dibentangkan dan dibahaskan secara terbuka, berasaskan fakta serta demi kepentingan para pen- deposit.

Antara perkara penting yang dibentangkan ialah kedudukan kewangan Tabung Haji pada 2018 yang berdepan jurang aset dan liabiliti sekitar RM10.9 bilion. Keadaan tersebut turut disusuli pengeluaran deposit sekitar RM6 bilion, manakala kerajaan pada ketika itu berdepan risiko liabiliti sehingga RM74.5 bilion susulan jaminan kerajaan terhadap simpanan Tabung Haji.

Fakta tersebut perlu difahami secara menyeluruh dan tidak diputarbelitkan sebagai modal pertelingkahan politik. Yang lebih penting ialah mengambil pengajaran daripada kelemahan lalu serta memastikan pembaharuan yang telah dilaksanakan terus diperkukuh.

Kedudukan Tabung Haji kini menunjukkan perkembangan yang lebih kukuh selepas pelan penstrukturan semula 2018. Deposit meningkat daripada sekitar RM69.4 bilion

pada 2019 kepada lebih RM95.1 bilion pada pertengahan Jun 2026, manakala kadar agihan keuntungan meningkat daripada 1.25 peratus pada 2018 kepada 3.5 peratus bagi tahun kewangan 2025.

WADAH menghargai usaha kerajaan dan pengurusan Tabung Haji dalam memperkukuh tadbir urus serta melaksanakan syor-syor RCI. Sekiranya terdapat dapatan yang mempunyai implikasi terhadap salah laku atau pelanggaran undang-undang, tindakan sewajarnya hendaklah diambil melalui saluran penguatkuasaan yang ditetapkan.

WADAH juga mengesah tindakan Ahli Parlimen PAS dan sebahagian Ahli Parlimen pembangkang yang memilih untuk meninggalkan Dewan ketika isu RCI Tabung Haji sedang dibahaskan.

Hak Ahli Parlimen untuk tidak bersetuju dan mengkritik kerajaan sememangnya sebahagian daripada proses demokrasi. Namun, perbezaan pendirian sewajarnya dizahirkan melalui perbahasan, hujah dan proses demokrasi di dalam Dewan Rakyat. Ahli Parlimen dipilih rakyat untuk hadir, bertanya, meneliti fakta, mencabar hujah dan menuntut akauntabiliti.

Ketidakhadiran YAB Perdana Menteri kerana menjalani prosedur perubatan tidak seharusnya dijadikan alasan untuk meninggalkan perbahasan mengenai isu yang melibatkan amanah umat. Jika terdapat bantahan terhadap kandungan atau penjelasan RCI, ruang perbahasan di Parlimen merupakan tempat yang sewajarnya untuk menyatakannya.

Tabung Haji bukan milik kerajaan dan bukan milik pembangkang. Tabung Haji ialah amanah umat Islam yang melibatkan kepentingan jutaan pendeposit. Kepentingan pendeposit, integriti institusi dan masa depan Tabung Haji mesti diletakkan mengatasi kepentingan politik kepartisan.

WADAH menuntut agar seluruh dapatan RCI diteliti secara menyeluruh, kelemahan yang dikenal pasti diperbaiki, pihak yang terbukti melakukan kesalahan dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang dan tadbir urus Tabung Haji terus diperkukuh.

*Jangan jadikan Tabung Haji gelanggang politik. Jadikan Parlimen medan mencari kebenaran, menegakkan keadilan dan mempertahankan amanah umat.*

**AZIZUDDIN AHMAD**

Setiausaha Agung

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

Kenyataan  
Akhbar

## MERDEKA JIWA, CERDAS UMAT: KEMERDEKAAN MESTI DIRASAI DAN DIMAKNAKAN RAKYAT



31 OGOS 2026

**W**adah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyambut baik enam ikhtiar yang diumumkan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2026 bagi menangani beberapa keperluan mendesak rakyat, khususnya berkaitan kos sara hidup, pendidikan, pembangunan generasi muda, kesihatan dan kelangsungan peniaga kecil.

Pengumuman ini membawa satu mesej penting – **pertumbuhan dan kekayaan negara akhirnya mesti dikembalikan kepada rakyat.**

Bagi WADAH, prinsip ini harus menjadi antara ukuran terpenting dalam usaha kita memaknai kemerdekaan. Selepas 69 tahun merdeka, persoalan yang perlu kita

tanyakan bukan lagi sejauh mana negara telah membangun, tetapi bagaimana pembangunan itu telah memerdekakan manusia dan mengangkat martabat rakyat.

Kemerdekaan tidak sempurna sekiranya masih ada rakyat yang terhimpit oleh kemiskinan, anak-anak yang tercicir daripada pendidikan berkualiti, keluarga yang terbeban dengan kos kehidupan dan generasi muda yang tidak dipersiapkan menghadapi perubahan dunia.

Atas asas itu, WADAH melihat dengan positif peningkatan peruntukan penyelenggaraan sekolah kepada RM1.5 bilion yang turut melibatkan sekolah agama, tahfiz, pondok dan pendidikan khas. Pendidikan bukan sekadar satu sektor pembangunan. **Pendidikan harus dilihat sebagai jalan utama ke arah memerdekakan pemikiran, membina keupayaan insan dan menentukan masa depan sesebuah bangsa.**

WADAH turut melihat langkah membuka peluang latihan kecerdasan buatan (AI) kepada 100,000 anak muda sebagai satu langkah penting dan tepat pada masanya. Namun, cabaran generasi muda hari ini bukan sekadar untuk celik teknologi tetapi harus **cerdas teknologi.**

Dalam dunia hari ini yang terbentuk oleh algoritma dan ledakan maklumat, **generasi muda mesti ada keupayaan untuk membezakan antara ilmu dengan manipulasi, fakta dengan fitnah, serta kemajuan teknologi dengan penyalahgunaan teknologi.** Di sini agenda pencerdasan umat menjadi semakin signifikan.

Sebagai sebuah gerakan Islam, WADAH berpandangan bahawa umat Islam tidak boleh menjadi pengguna pasif kepada perubahan teknologi. **Kita mesti melahirkan generasi yang mampu menguasai teknologi, menghasilkan ilmu dan kandungan, membina naratif namun masih memelihara keluhuran nilai dan akhlak untuk menentukan bagaimana teknologi digunakan bagi kemaslahatan manusia.**

WADAH juga memberikan perhatian terhadap pengumuman Perdana Menteri bahawa dana hasil haram, rasuah dan salah guna kuasa yang diperoleh melalui proses undang-undang akan disalurkan terutamanya kepada pendidikan dan kesihatan rakyat.

Prinsip ini perlu diperkukuhkan. Memerangi rasuah bukan semata-mata menangkap dan menghukum mereka yang bersalah. Ia merupakan persoalan **amanah yang harus dikembalikan kepada rakyat.** Kekayaan negara yang diseleweng adalah hak rakyat. **Apabila ia dimanfaatkan untuk membina sekolah, meningkatkan pendidikan dan memperkukuh kesihatan rakyat, maka usaha membanteras rasuah membawa makna yang jauh lebih besar kepada kehidupan masyarakat.**

Pada masa yang sama, WADAH berharap **semua ikhtiar yang diumumkan dapat dilaksanakan secara cekap, telus dan sampai kepada kelompok sasaran.** Pengumuman dasar yang baik mesti diterjemahkan kepada pelaksanaan yang benar-benar dirasakan rakyat, khususnya mereka yang berada di lapisan akar umbi.

Kerajaan mempunyai tanggungjawabnya. Masyarakat sivil juga mempunyai tanggungjawabnya yang tersendiri. WADAH percaya bahawa **pembinaan negara tidak boleh diserahkan kepada kerajaan semata-mata. NGO,**

**institusi pendidikan, institusi agama, sektor swasta, keluarga dan seluruh masyarakat perlu membentuk satu ekosistem yang bersama-sama mencerdaskan dan memperkasa rakyat.**

WADAH, sebagai sebuah NGO Islam yang membawa misi pencerdasan umat, akan tetap istiqamah dalam memberikan penumpuan kepada agenda pembangunan umat dan mengangkat karamah insaniah terutamanya di peringkat akar umbi. Kita mahu melihat kemerdekaan Malaysia melahirkan umat yang bukan sahaja bebas secara politik, tetapi **merdeka pemikirannya, tinggi ilmunya, kukuh akhlaknya dan berani menentukan masa depannya sendiri.**

Sempena Hari Kebangsaan ke-69, WADAH menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya kembali menghayati makna kemerdekaan dengan memperkukuh muafakat dan menolak segala bentuk kebencian, perkauman sempit, ekstremisme, rasuah serta politik yang memecahbelahkan masyarakat.

Kita mungkin berbeza pandangan dan pendirian, tetapi kita berkongsi tanah air dan masa depan yang sama. Kemerdekaan yang diwariskan kepada kita bukan sekadar untuk diraikan. Ia suatu amanah untuk dipertahankan dan disempurnakan.

**Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke-69.**

**“MENGANGKAT MARTABAT UMAT”**

**AZIZUDDIN AHMAD**

Setiausaha Agung  
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia  
(WADAH)

## MENELADANI RASULULLAH: WANITA PENCERDAS KELUARGA DAN UMMAH

**15 OGOS 2026 | SABTU** – Siri Kuliah Pagi SALWA yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Ustazah Salbiah Omar, Tokoh Wanita MADANI Negeri Sembilan. Seramai 97 orang telah hadir dalam talian dan turut disiarkan secara langsung di FB Salwa Malaysia.



## MAJLIS PERWAKILAN SALWA NEGERI (MPSN)

### NEGERI SEMBILAN

**22 OGOS 2026 | SABTU** – MPSN Negeri Sembilan kali ke-5 telah diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah SRI Seremban. MPSN telah dirasmikan oleh Azlina Yati Mohd Darunai, JK SALWA Pusat.



### NEGERI SELANGOR

**23 OGOS 2026 | AHAD** – MPSN Selangor kali ke-5 telah diadakan di Universiti Selangor (UNISEL), Shah Alam Selangor. MPSN telah dirasmikan oleh Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal, Timbalan Pengerusi



### NEGERI PERAK

**25 OGOS 2026 | SELASA** – MPSN Perak kali ke-5 telah diadakan di Sekretariat ABIM Negeri Perak.

MPSN telah dirasmikan oleh Ustazah Nor Laila Kamaruddin, Jawatankuasa SALWA Pusat.



### WILAYAH PERSEKUTUAN

**25 OGOS 2026 | SELASA** – MPSN Wilayah Persekutuan kali ke-5 telah diadakan di Bilik Kaca, Kompleks SERIAI Huda Gombak. MPSN telah dirasmikan oleh Nor Azura Kamarudin Sohami, Jawatankuasa SALWA Pusat.



### NEGERI JOHOR

**28 OGOS 2026 | JUMAAT** – MPSN kali ke-3 telah diadakan secara dalam talian. MPSN telah dirasmikan oleh Hajah Khadijah Mohd Basri, Jawatankuasa SALWA Pusat. MPSN diadakan dalam talian.

## ANUGERAH KEPIMPINAN WANITA PERDANA GEMILANG MAJU JAYA 2026 NEGERI SABAH SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM WADAH-ABIM-PKPIM NEGERI SABAH

**K**etua SALWA Negeri Sabah, Prof. Dr. Arsiah Bahron dan Datin Hajah Rosnih Nasir, Jawatankuasa SALWA Pusat, telah dipilih menerima Anugerah Kepimpinan Wanita Perdana, sempena Majlis Makan Malam WADAH-ABIM-PKPIM Negeri Sabah.

Prof. Dr. Arsiah dilahirkan di Tawau, Sabah dan sekarang merupakan Professor Kehormat di Universiti Selangor (UNISEL), setelah bersara daripada jawatan Profesor di Universiti Malaysia Sabah. Prof. Dr. Arsiah telah dikurniakan 7 orang cahaya mata. Dr. Arsiah sangat aktif sebagai pembimbing bacaan al-quran, penceramah program keilmuan dan pencerdasan wanita dan keluarga di Sabah dan seluruh negara.

Datin Hajah Rosnih Nasir dilahirkan di Papar, Sabah. Datin Rosnih telah dikurniakan lima cahaya mata.

Beliau merupakan Jawatankuasa SALWA Pusat yang telah berjaya menganjurkan seminar berimpak tinggi, program kemasyarakatan dan pencerdasan wanita dan keluarga di Sabah dan di seluruh negara.

Semoga Anugerah ini menjadi inspirasi kepada lebih ramai wanita untuk terus berdaya saing menabur khidmat bakti, memimpin dan menyumbang ke arah pembinaan masyarakat berilmu dan sejahtera.

